

# Melayu terpinggir jika berpecah: Dr M

79 Mei 2002

KUALA LUMPUR, Isnin – Orang Melayu di negara ini akan menerima nasib seperti orang Melayu Singapura yang dipinggirkan daripada arus pembangunan, jika tidak bersatu padu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, kata Perdana Menteri, sikap mudah terpengaruh dengan hasutan Pas juga menyebabkan orang Melayu di negara ini yang dulunya bersatu padu, kini berpecah-belah.

“Kalau kita berpecah belah, tidak berusaha, dok pertikai itu ini, terhasut dengan Pas, tidak bersatu padu, nasib terpinggir seperti orang Melayu Singapura bukan saja akan berlaku di Pulau Pinang, tapi di seluruh Malaysia.

“Kita nyaris jadi macam Singa-

pura. Pada satu ketika, iaitu pada 1930, kita harus ingat majoriti penduduk Malaysia adalah daripada kalangan pendatang. Kalau keadaan ini berterusan, bifa kita ada kemerdekaan, maka kita tidak lagi berkuasa dalam negara.

“Tapi orang Melayu tidak insaf. Kita suruh jangan berpecah. Tapi bila ada Pas, maka berpecahlah Melayu. Sebelum ada Pas, orang Melayu semua bersatu padu dalam Umno...no problem (tiada masalah),” katanya kepada pemberita di sini hari ini selepas menyampaikan taklimat khas kepada ahli Puteri Umno mengenai mesyuarat dan pemilihan pergerakan itu. November depan.

Dr Mahathir berkata drmikian mengulas kenyataan Ketun Umno

Bahagian Tanjung, Pulau Pinang, Datuk Ahmad Ibni Hajar, hahawa orang Melayu Pulau Pinang akan menerima nasib yang sama seperti orang Melayu Singapura jika kerajaan negrri itu meneruskan amalan sekarang, iaitu tidak mempedulikan kewujudan orang Melayu dalam pembangunan di negeri itu.

Ahmad dalam kenyataannya berkata, orang Melayu Pulau Pinang paling malang berbanding orang Melayu di negeri lain.

Mengenai dakwaan Ahmad keadaan itu berpunca daripada peluang ekonomi yang tidak diberikan kepada orang Melayu di negeri itu, Perdana Menteri berkata:

“Kita bagi peluang ekonomi cukup banyak, bukan saja kerajaan

negeri. Tetapi, yang kita bagi pun kadang-kadang dia bagi kat orang lain juga.”

Beliau meminta pihak terbabit menunjukkan bukti berhubung dakwaan ada pihak menidakan hak kuota 30 peratus orang Melayu dalam pelbagai aspek, termasuk pemilikan hartanah.

Dr Mahathir berkata, orang Melayu tidak boleh menyalahkan pihak lain semata-mata dengan kekurangan yang dialami, sebaliknya menilai kelemahan diri sendiri

“Ya... memang semua orang bersalah, tetapi kita tak boleh kata orang lain yang selalu jahat sangat. Kita kena tanya diri kita juga. Apakah kita menjalankan tugas kita dengan baik?” katanya.